



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : HISTORY OF ARCHITECTURE & DESIGN 1**  
**KOD KURSUS : IDD1053**  
**PEPERIKSAAN : JUN 2024**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAH KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - ili. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 15 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

© Hak cipta Kolej Yayasan Pelajaran Johor



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab semua soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

Tamadun	Lokasi
Tamadun Mesir Purba	Sungai Nil
Tamadun Indus	Sungai Indus
X	Sungai Tigris

**Jadual 1**

1. Apakah tamadun 'X' bagi Jadual 1?
  - A Tamadun Rom.
  - B Tamadun Tigris.
  - C Tamadun Greek.
  - D Tamadun Mesopotamia.
  
2. Pilih ciri-ciri seni bina yang benar bagi tamadun Mesir Purba.
  - i. Bata lumpur dihasilkan untuk pembinaan piramid
  - ii. Hieroglif sebagai tulisan rasmi tamadun Mesir Purba
  - iii. Rumah rakyat menggunakan lumpur sebagai bahan binaan
  - iv. Piramid dibina sebagai simbolik tangga gergasi menuju ke syurga
  - A i, ii, iii
  - B i, iii, iv
  - C ii, iii, iv
  - D i, ii, iii, iv
  
3. Apakah nama binaan tamadun Mesir Purba yang berperanan sebagai penjaga kawasan?
  - A *Sphinx*.
  - B *Stonehenge*.
  - C *Giza Pyramid*.
  - D *Narmer Palette*.

4. Pilih jenis tiang yang digunakan dalam seni bina Greek.

- i. *Ionic*
- ii. *Doric*
- iii. *Tuscan*
- iv. *Corinthian*

**A** i, ii, iii

**B** i, ii, iv

**C** ii, iii, iv


**D** i, ii, iii, iv



Gambar rajah A

5. Apakah nama binaan bagi gambar rajah A?


- A** Pantheon.
- B** Parthenon.
- C** Colloseum.
- D** Pont du Aqueduct.



Gambar rajah B


6. Apakah nama elemen seni bina 'Y' bagi gambar rajah B?  
  - A *Piers*.
  - B *Arches*.
  - C *Pendentives*.
  - D *Flying buttress*.
  
7. Manakah gereja besar yang terkenal dengan penggunaan elemen seni bina 'Y'?  
  - A Notre Dame.
  - B Menara Pisa.
  - C Hagia Sophia.
  - D Maria Laach Abbey.

8. Pilih yang benar tentang ciri-ciri seni bina *Byzantine*.
- i. Kubah menggunakan teknik pendentive
  - ii. Teknik Ashlar untuk perincian dinding bangunan
  - iii. Inspirasi daripada seni bina Rom dalam seni bina
  - iv. Penggunaan poikilia yang membawa visual mewah ke ruang dalaman
- A** i, ii, iii  
**B** i, ii, iv  
**C** i, iii, iv  
**D** i, ii, iii, iv



**Gambar rajah C**

9. Apakah gaya seni bina bagi hasil seni gambar rajah C?
- A** Greek.
  - B** Gothic.
  - C** Roman.
  - D** Romanesque.




Gambar rajah D

10. Apakah nama elemen seni bina 'Z' dalam gambar rajah D?
- A *Round window*.
  - B *Fanlight window*.
  - C *Palladian window*.
  - D *Casement window*.
11. Pilih ciri-ciri seni bina dari gambar rajah D.
- i. Inspirasi dari seni bina *Renaissance*
  - ii. Dinding parapet dengan kornis dipasang di bumbung rata
  - iii. Menggunakan elemen seni bina klasik seperti *pilaster* dan *pediment*
  - iv. Profil bangunan menggunakan bumbung gable dan bumbung gambrel
- A i, ii, iii
  - B i, ii, iv
  - C i, iii, iv
  - D i, ii, iii, iv

12. Berikut merupakan hasil seni dari gaya seni *Art and Craft Movement* kecuali

A




C



B




D



13. Apakah perbezaan antara gaya seni bina *Art Nouveau* dan *Art and Craft Movement*?

- A *Art Nouveau* menolak penggunaan mesin dan teknologi.
- B *Art Nouveau* menerima penggunaan mesin dan teknologi.
- C *Art and Craft Movement* menolak penggunaan hasil kerja tangan.
- D *Art and Craft Movement* menerima penggunaan mesin dan teknologi.



Gambar rajah E


14. Siapakah arkitek bagi binaan dalam Gambar rajah E?
- A Antoni Gaudi.  
B William Morris.  
C Henry Sullivan.  
D Augustus Pugin.
15. Pilih yang benar tentang ciri-ciri seni bina Sagrada Familia.
- i. Direka oleh seorang arkitek bernama Antoni Gaudi.  
ii. Mempunyai tiga fasad utama iaitu *glory*, *nativity* dan *passion*.  
iii. Merupakan sebuah gereja besar inspirasi daripada suasana hutan.  
iv. Salah satu binaan terkenal bagi gaya seni *Art and Craft Movement*.
- A i, ii, iii  
B i, ii, iv  
C i, iii, iv  
D i, ii, iii, iv

16. Apakah warna-warna utama yang digunakan dalam reka bentuk *De Stijl*?
- A Merah, biru, kuning dan hitam.
  - B Merah, hijau, kuning dan putih.
  - C Merah, hijau, biru, hitam dan putih.
  - D Merah, biru, kuning, hitam dan putih.



Gambar rajah F

17. Apakah nama hasil seni dalam gambar rajah F?
- A Brno Chair.
  - B Wassily Chair.
  - C Frank Gehry Chair.
  - D The Barcelona Chair.
18. Pilih yang benar tentang ciri-ciri gaya seni gambar rajah F.
- i. Rekaan minimalis dan moden.
  - ii. Komposisi visual yang seimbang.
  - iii. Mengutamakan ukiran berbanding fungsi.
  - iv. Fokus kepada bentuk geometrik yang kemas.
- A i, ii, iii
  - B i, ii, iv
  - C i, iii, iv
  - D i, ii, iii, iv



Gambar rajah G

19. Apakah jenis gaya seni bina *Deconstructivism* bagi gambar rajah G?
- A Organik.  
B Berbucu.  
C Berlapis.  
D Huru-hara.
20. Pilih pernyataan yang benar tentang ciri-ciri gaya seni *Memphis Design*.
- i. Produk dihasilkan sekali sahaja.  
ii. Memperkenalkan gaya ‘*kitcsh*’ dalam reka bentuk.  
iii. Menggunakan bahan dan teknik berteknologi tinggi.  
iv. Penggunaan konsep *bowellism* dalam rekaan perabot.
- A i, ii  
B i, iv  
C ii, iii  
D iii, iv

[ 20 MARKAH ]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab semua soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Nyatakan maksud seni bina.


(2 markah)

- b. Jelaskan dua (2) fungsi *Stonehenge*.

(4 markah)

- c. Berikan dua (2) perbezaan seni bina Mesopotamia dan seni bina Mesir Purba.

(4 Markah)

**SOALAN 2**

- a. Namakan gaya seni bina bagi gambar rajah di atas.

(2 markah)

- b. Terangkan dua (2) perbezaan bagi gaya seni bina gambar rajah di atas.  
(4 markah)
- c. Lakarkan:
- Groin vault*
  - Rib vault*
- (4 markah)

**SOALAN 3**

- a. Nyatakan prinsip gaya seni bina Frank Lloyd Wright.  
(2 markah)
- b. Terangkan dua (2) perbezaan gaya seni bina antara *Prairie style* dan *Usonian style*.  
(4 markah)
- c. Lakarkan:
- Palladian window.*
  - Bumbung *gambrel*.
- (4 Markah)

**SOALAN 4**

Gaya seni ini tercetus selepas kerajaan Jerman mendapat komen bahawa produk buatan Jerman digelar “*cheap and nasty*” daripada pengunjung pameran *Philadelphia Centennial Exhibition* pada tahun 1876.


**Penyataan 1**

- a. Berdasarkan Penyataan 1, apakah nama gaya seni tersebut?  
(2 markah)

- b. Senaraikan dua (2) ciri gaya seni bagi Penyataan 1 di atas.  
(2 markah)
- c. Gaya seni ini terkenal dengan teknik *cantilever-style*. Lakarkan dua (2) perabot dengan menggunakan teknik tersebut.  
(6 markah)

**SOALAN 5**

- a. Nyatakan maksud seni bina *Deconstructivism*.  
(2 markah)
- b. Berikan dua (2) ciri seni bina *Deconstructivism*.  
(2 markah)



Gambar rajah H

- c. Berdasarkan gambar rajah H, lakarkan olahan rupa bentuk objek tersebut mengikut hasil kreativiti anda sendiri berdasarkan tiga kategori seni bina *Deconstructivism* yang berikut:
- Organik (*Organic*).
  - Berlapis (*Layering*).
  - Huru-hara (*Chaos*).

(6 markah)

[50 MARKAH]

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Bangunan Sultan Abdul Samad yang terletak di Kuala Lumpur merupakan salah satu bangunan bercirikan seni bina Kolonial yang dibina pada tahun 1893.

Berdasarkan pemahaman anda, lakarkan **satu (1)** fasad hadapan sebuah bangunan yang menunjukkan elemen seni bina kolonial. Kemudian, dengan menggunakan bantuan anak panah, nyatakan **lima (5)** elemen seni bina Kolonial pada lakaran fasad bangunan tersebut seperti berikut :

- i. Pedimen
- ii. *Pilaster Ionic.*
- iii. Bumbung *gambrel*.
- iv. Dinding parapet dengan kornis
- v. Gerbang acuan dengan tingkap berbingkai *fanlight*.

(15 markah)

**SOALAN 2**

Sebelum Perang Dunia Pertama tercetus, gerakan gaya seni *Art Nouveau* muncul di Eropah dengan gaya berinspirasi alam semula jadi.

Berdasarkan pemahaman anda, dengan bantuan lakaran,uraikan ciri yang digunakan dalam gerakan seni *Art Nouveau* bagi kategori berikut:

- i. Seni bina
- ii. Seni catan atau corak
- iii. Perabot


(15 markah)

**SOALAN 3**

Seni bina *Deconstructivism* bermula pada lewat 80an menunjukkan gaya seni bina moden yang inovatif dan ekstrem dari segi imej dan idea baharu.

- a. Lakarkan **satu (1)** contoh binaan seni bina *Deconstructivism* yang direka oleh Frank Gehry.

(3 markah)



**Gambar rajah H**

- b. Berdasarkan gambar rajah H, lakarkan olahan rupa bentuk objek tersebut mengikut hasil kreativiti anda sendiri berdasarkan empat kategori seni bina *Deconstructivism* yang berikut:

- i. Organik (*Organic*).
- ii. Berbucu (*Angular*).
- iii. Berlapis (*Layering*).
- iv. Huru-hara (*Chaos*).

(12 markah)

**[30 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**



